

Berita Meteorologi

Edisi Sept – Dis 2019

Menjunjung Kasih Yang Di-Pertuan Agong Atas Perkenan Menerima Sembah Taklimat Mengenai Persediaan Menghadapi Monsun Timur Laut 2019/2020



Menjunjung kasih Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah atas perkenan menerima sembah taklimat mengenai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut 2019/2020 pada 11 November 2019. Sembah taklimat ini dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), YBhg. Dato' Mohtar bin Mohd Abd Rahman dan Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, En Jailan Bin Simon di Istana Melawati.

Saudara, Saudari pembaca budiman...

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Kita bertemu lagi dalam edisi September hingga Disember bagi Berita Meteorologi 2019. Dalam suku terakhir 2019, secara amnya jabatan giat berusaha untuk mencapai KPI yang ditetapkan bagi jabatan dan juga inisiatif MESTECC. Bagi Inisiatif MESTECC, ESTECC Education in School, jabatan telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat, bahagian-bahagian di Ibu Pejabat dan Pejabat Meteorologi Negeri. Melalui kerjasama erat sebegini, jabatan mampu untuk mencapai dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Bagi menghadapi ketibaan Monsun Timur Laut 2019/2020, jabatan telah menganjurkan Forum Iklim Kebangsaan (FIK) dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu. Forum yang bertemakan ‘Monsun Timur Laut, Pakat Cakna’ telah menerima kehadiran sebanyak 400 peserta yang terdiri daripada wakil agensi-agensi pengurusan bencana peringkat nasional dan negeri, para pelajar UMT dan juga pihak media.

Di samping menjalankan tugas hakiki, jabatan melalui Kelab Kebajikan dan Sukan Meteorologi Malaysia (KKSMM) turut mengadakan sambutan Bulan Sukan Negara pada bulan Oktober 2019. Pelbagai aktiviti sukan dan sosial telah diadakan bagi memastikan warga jabatan sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat yang akan memberi kesan langsung terhadap produktiviti.

Akhir kata, marilah kita renungkan bersama kata-kata hikmah berikut bagi manfaat bersama.

“Kecemerlangan adalah hasil daripada sikap yang ingin sentiasa melakukan yang terbaik.”

Salam Mesra,

Ramlan Ab Rahman
Ketua Pengarang

SIDANG PENGARANG



Penasihat

YBrs. Puan Maznorizan bt Mohamad

Ketua Pengarang

En. Ramlan Ab Rahman

Pengarang Eksekutif

Dr. Fariza Yunus

Pengarang

Pn. Lucia Enggong

Pn. Nor Khafiza Manan

Pn. Rosita Galang

Pn. Siti Norbaizura Mat Said

Pn. Marcella James J.

En. Rosmadinor Mohamad

En. Mohd Ridzuan Adam

Pn. Wan Fariza Mustafah

Pn. Dayang Norazila Awang Bima

Pn. Siti Badderiah Hamim

Urus Setia

Pn. Marina Ismail

Pn. Sytee Syafarina Jaafar

Pegawai Perhubungan Awam

Pn. Malini a/p Kunjappan

Reka Bentuk

En. Ab. Rahman Buang

Pn. Lillian Nasharidah Boney Abdullah

Juru Foto

En. Rosli Abu Bakar



PELANTIKAN TIMBALAN KETUA PENGARAH (STRATEGIK & TEKNIKAL)



YBrs. Puan Maznorizan bt Mohamad dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Strategik & Teknikal) Jabatan Meteorologi Malaysia berkuat kuasa pada 10 September 2019 bagi menggantikan mantan Timbalan Ketua Pengarah (Strategik & Teknikal), YBrs. Dr. Wan Azli bin Wan Hassan yang telah bersara.

YBrs. Puan Maznorizan bt Mohamad merupakan seorang pegawai yang berpengalaman luas dan telah berkhidmat selama hampir 36 tahun. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Fizik (Kepujian) dari Universiti Malaya (UM) dan peringkat Sarjana dari University of Missouri, USA dalam bidang *M.Sc Atmospheric Science*.

PELANTIKAN PENGARAH KANAN PUSAT INSTRUMENTASI METEOROLOGI & SAINS ATMOSFERA



YBrs. Encik Ling Leong Kwok dilantik sebagai Pengarah Kanan Pusat Instrumentasi Meteorologi & Sains Atmosfera Jabatan Meteorologi Malaysia berkuat kuasa pada 24 Oktober 2019 bagi menggantikan mantan Pengarah Kanan Pusat Instrumentasi Meteorologi & Sains Atmosfera Jabatan Meteorologi Malaysia, YBrs. Encik Zabani bin Md Zuki yang telah bersara.

YBrs. Encik Ling Leong Kwok merupakan seorang pegawai yang berpengalaman luas dan telah berkhidmat selama 34 tahun. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Fizik (Kepujian) dari Universiti Malaya (UM) dan peringkat Sarjana dari universiti yang sama dalam bidang *M.Sc in Information Technology (IT)*.

MAJLIS APRESIASI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MESTECC 2019



MESTECC buat julung kalinya telah menganjurkan Majlis Apresiasi Sains, Teknologi dan Inovasi 2019 pada 13 November 2019 di MAEPS, Serdang bagi memberi penghargaan serta pengiktirafan kepada semua pihak yang telah menjayakan Minggu Sains Negara (MSN) 2019.

MET Malaysia telah diberikan tanggungjawab menerajui penganjuran MSN 2019 bagi peringkat negeri Sabah. Ketua Pengarah MET Malaysia, En. Jailan bin Simon menerima sijil penghargaan dari YB Menteri MESTECC semasa majlis tersebut.

LAWATAN MESTECC DAN *KEY OPINION LEADERS* (KOLs) ASEAN HIGH PERFORMANCE COMPUTING (HPC) TASKFORCE MALAYSIA



Pada 17 Disember 2019, pegawai-pegawai dari Bahagian Antarabangsa, Strategik dan Unit Pusat Data, MESTECC telah melawat Sistem Pengkomputeran Prestasi Tinggi (High Performance Computing-HPC) MET Malaysia yang terletak di Pusat Data Sektor Awam (PDSA), Bandar Enstek.

Lawatan ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari MIMOS Berhad, NAHRIM serta beberapa orang pensyarah Universiti iaitu dari Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Tenaga Nasional termasuk *Key Opinion Leaders* (KOLs) iaitu Dr. Suhaimi Napis, pensyarah dari Universiti Pertanian Malaysia yang telah dilantik oleh MESTECC bagi mewakili Malaysia dalam Mesyuarat ASEAN HPC. Tujuan lawatan adalah untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Sistem HPC di MET Malaysia sebagai persediaan bagi menyediakan Pelan Tindakan dan Perancangan bagi Mesyuarat ASEAN HPC.

FORUM IKLIM KEBANGSAAN MONSUN TIMUR LAUT 2019/2020

MET Malaysia dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menganjurkan Forum Iklim Kebangsaan Monsun Timur Laut (FIK MTL) 2019/2020 yang bertemakan ‘Monsun Timur Laut, Pakat Cakna’ di Auditorium, Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), UMT.



Seramai 400 orang peserta yang terdiri daripada agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan dan bantuan bencana, agensi kerajaan dan swasta, media, para akademik dan pelajar institut pengajian tinggi telah menghadiri forum ini. Pelancaran produk MET Malaysia iaitu *Radar Integrated Nowcasting System* (RaINS) dan buku terbitan UMT mengenai hasil dua pelayaran saintifik yang dijalankan iaitu *National Scientific Cruise Expedition 2016-2017* turut diadakan semasa majlis perasmian forum.

OPERASI PEMBENIHAN AWAN BAGI MENANGANI MASALAH JEREBU DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN SARAWAK

MET Malaysia dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah melaksanakan Operasi Pembenhian Awan (OPA) bagi mengurangkan kesan jerebu di rantau negara selaras dengan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan. Sebanyak 5 kali penerbangan OPA telah dilaksanakan iaitu pada 16 dan 19 September 2019 di Semenanjung serta 12, 20 dan 21 September 2019 di Sarawak.



NATIONAL AWARENESS WORKSHOP - ACID DEPOSITION MONITORING NETWORK IN EAST ASIA (EANET)



Pada 26 hingga 28 November 2019, MET Malaysia dengan kerjasama *United Nations Environment Programme* (UNEP) telah menganjurkan *National Awareness Workshop - Acid*

Deposition Monitoring Network in East Asia (EANET) di Hotel Zenith Putrajaya. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta serta sebagai sebuah platform perkongsian maklumat berkenaan pemendapan berasid serta impaknya kepada alam sekitar dan sosio ekonomi negara.

20TH SENIOR TECHNICAL MANAGERS' MEETING OF THE ACID DEPOSITION MONITORING NETWORK IN EAST ASIA

Pada 4 hingga 5 September 2019, MET Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi penganjurkan *20th Senior Technical Managers' Meeting (STM20) of the Acid Deposition Monitoring Network in East Asia (EANET)* yang berlangsung di Hotel *Berjaya Times Square*, Kuala Lumpur. Ini merupakan kali kedua Malaysia menjadi tuan rumah bagi STM selepas penganjurkan pertama pada tahun 2011. Objektif STM adalah bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan aktiviti pemantauan pemendapan berasid dan meneliti draf laporan data yang disediakan oleh *Network Center* bagi *Asia Center for Air Pollution Research (ACAP)*.

STM20 telah disertai oleh seramai 19 orang peserta antarabangsa yang terdiri daripada pegawai-pegawai teknikal kanan yang terlibat dalam aktiviti pemantauan EANET iaitu dari negara China, Filipina, Indonesia, Jepun, Kemboja, Republik Korea, Laos, Mongolia, Myanmar, Rusia, Thailand dan Vietnam. Seramai 17 orang peserta tempatan yang terlibat dengan mesyuarat ini adalah dari MET Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



SAMBUATAN HARI INOVASI 2019

Sambutan Hari Inovasi peringkat MET Malaysia telah diadakan pada 31 Oktober 2019 bertempat di Ibu Pejabat MET Malaysia. Seramai 150 orang yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan MET Malaysia telah menghadiri sambutan ini. Ceramah inovasi yang bertajuk *Innovation vs Psychology* telah disampaikan oleh Encik Aswandi Bin Omar dari Kementerian Kerja Raya.

Sempena sambutan Hari Inovasi, sebanyak lima pertandingan inovasi telah dipertandingkan iaitu Kualiti Data Meteorologi Terbaik, Pusat/Bahagian/Seksyen/Unit Terbaik, Fotografi Kreatif, Info Grafik Kreatif dan Ramalan Cuaca Khas (Forecast Contest).



PEMENANG

FOTOGRAFI KREATIF

1	2	3
Prince Assad A. Kahar	Nor Aini Abu Kassim	Mohamad Hafiz Anwar

PEMENANG

PUSAT/BAHAGIAN/SEKSYEN/UNIT TERBAIK

1	2	3
Unit Integriti	Bahagian Latihan Teknikal	Pejabat Ketua Pengarah

PEMENANG

INFO GRAFIK KREATIF

1	2	3
Mohd Yusof Abdul Jalil	Md Yusof Sa'Ari	Muneeswaran A/L Kannyah

PEMENANG

RAMALAN CUACA KHAS

1	2	3
Mohd. Khairul Othman	Muhammad Fareed Zulkifli	Siti Noor Faizan Muhammad Fadzil

WEATHER & CLIMATE SCIENCE FOR SERVICE PARTNERSHIP (WSCPP)

1


Forecaster Training Workshop in Southeast Asia (FORTIS) Advanced Tropical Meteorology



Pada 10 hingga 13 September 2019, Bengkel *Forecaster Training in Southeast Asia (FORTIS) Advanced Tropical Meteorology* di bawah projek WCSSP telah diadakan di Ibu Pejabat MET Malaysia.

2

Science Workshop



Pada 23 hingga 24 September 2019, seramai empat orang pegawai MET Malaysia, En. Muhammad Helmi Bin Abdullah, Dr. Mohd Hisyam Bin Anip, En. Muhammad Firdaus Ammar Bin Abdullah dan En. Diong Jeong Yik telah menghadiri Bengkel Sains bagi WCSSP yang diadakan di *The Church House, Deans Yard, Westminster, London United Kingdom*.

3

WCSSP Southeast Asia 2nd Regional Science Workshop



Pada 5 hingga 8 November 2019, *WCSSP Southeast Asia 2nd Regional Science Workshop* telah diadakan bertempat di Manila, Filipina. MET Malaysia telah diwakili oleh Dr. Fariza Bt. Yunus, En. Muhammad Firdaus Ammar Bin Abdullah dan En. Muhamad Sofian Bin Muhamad Yusof.

4

Sesi Perbincangan Bersama Pegawai UK MET OFFICE



Pada 20 hingga 22 November 2019, sesi perbincangan antara MET Malaysia bersama pihak *UK Met Office* telah diadakan untuk membincangkan status pelaksanaan *Work Package 3 (WP3)*, *Impact Based Forecast* di bawah projek WCSSP. Sesi perbincangan turut dihadiri oleh wakil daripada NADMA, JPS, NAHRIM dan MIGHT.

BENKEL PENGEMASKINIAN RANCANGAN KONTIGENSI KEBANGSAAN KAWALAN TUMPAHAN MINYAK (RKKKTM)

Pada 29 hingga 31 Oktober 2019, En. Nursalleh K Chang @ Nursalleh Bin Kasim dan En. Muhammad Mikhael Cadorna telah menghadiri Bengkel Pengemaskinian Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak (RKKKTM) anjuran Jabatan Alam Sekitar yang bertempat di Hotel Avilion Legacy, Melaka.



SEMINAR KESEDARAN AKRAB

Pada 12 September 2019, AKRAB MET Malaysia telah menganjurkan Seminar Kesedaran Tentang Isu Kemurungan di Ibu Pejabat MET Malaysia. Seramai 145 peserta yang terdiri daripada MESTECC dan warga MET. Seminar ini membincangkan



tajuk Kesedaran Tentang Isu Kemurungan yang disampaikan oleh Puan Woo Chiat Sing, Pegawai Psikologi JPA. Selain seminar terdapat juga pameran, gerai jualan, kaunter psikologi MESTECC dan kaunter saringan kesihatan AKRAB MET Malaysia.

CERAMAH TEKNIKAL, CERAMAH KESIHATAN & LUNCHEON TALK

19 SEPTEMBER 2019

Ceramah teknikal bertajuk “Pengaruh Amalan-Amalan Sumber Manusia Terhadap Pengekalan Pegawai Meteorologi di Sektor Awam’ oleh Pn. Aminah Ismail.



19 SEPTEMBER 2019

Ceramah teknikal bertajuk *A Comparison Meteorological and Satellite Based Drought Index Over Peninsular Malaysia* oleh Pn. Norjana Jamal.



20 NOVEMBER 2019

Ceramah teknikal bertajuk *Satellite Meteorology Problem and Prospects* oleh Dr. B. Simon dari *Indian Space Organisation*, Ahmedabad, India.




10 OKTOBER 2019

Ceramah Kesihatan Jantung oleh Dr. Abdul Ariff
dari Institut Jantung Negara.



24 OKTOBER 2019

Luncheon Talk bertajuk *Experimental Modelling of Tsunami Bore Pressures and Forces On Various Tsunami Barrier Types*
oleh Dr. Zaty Aktar Mokhtar



ATTACHMENT TRAINING

1

Radar Integrated Nowcasting System (RaINS)

Latihan ini telah diadakan pada 17 hingga 27 September 2019 dan dibiayai sepenuhnya oleh *ESCAP/WMO Typhoon Committee Preliminary Project* melibatkan seorang peserta daripada *Guangxi Meteorological Administration* dan seorang daripada *Thai Meteorological Department*.



2


Lawatan Vietnam Air Traffic Management Corporation (VATM)



Pada 21 Oktober 2019, VATM telah melawat jabatan untuk mendapatkan penerangan berkenaan Sistem Perkomputeran Berprestasi Tinggi (HPC).

3

Climatology and Variability of Ocean Waves and The Revision of Japan Meteorological Agency Oil Spill Model



Latihan ini telah dihadiri oleh Encik Nursalleh K Chang @ Nursalleh Bin Kasim pada 23 September hingga 4 Oktober 2019 di Tsukuba, Jepun. Latihan Sangkut ini telah dikendalikan secara khusus melalui kaedah syarahan, perbincangan dan latihan amali (hands-on) oleh pakar model numerikal marin, Encik Nadao Kohno yang bertanggungjawab membangunkan permodelan marin di JMA.

4

Incorporation of Himawari Satellite Data In An Existing Blended NWP-Radar Nowcasting System And The Verification Of The New Satellite Blended Nowcasting System



Pada 28 Oktober - 8 November 2019, jabatan telah menghantar En. Yip Weng Sang di bawah *Human Capital Development* (HCD), MESTECC, untuk mengikuti latihan sangkutan di *Hong Kong Observatory* (HKO), China.

KEJOHANAN CONGKAK & BATU SEREMBAN ANTARA AGENSI



Pada 20 September 2019, Kejohanan Congkak dan Batu Seremban Antara Agensi telah diadakan bertempat di Auditorium, Tingkat 8, MET Malaysia. Objektif utama kejohanan ini dilaksanakan adalah untuk mengeratkan silaturrahim sesama peserta dari agensi yang berlainan dan memupuk minat terhadap permainan tradisional. Kejohanan ini disertai oleh MET Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia dan *Malaysia Productivity Corporation* (MPC).



MALAM MESRA KKSMM 2019

Kelab Kebajikan dan Sukan Meteorologi Malaysia (KKSMM) telah mengadakan Malam Mesra KKSMM pada 17 November 2019 di Ruang *Event Space*, Shah Alam. Tema Malam Mesra pada tahun ini adalah “Black & White” dan seramai 120 orang warga jabatan dan ahli keluarga telah menghadiri majlis ini.



MESYUARAT TAHUNAN PEGAWAI METEOROLOGI 2019

Pada 23 sehingga 26 September 2019, Mesyuarat Tahunan Pegawai Meteorologi ke-19 telah diadakan bertempat di Hotel Royal Pulau Pinang. Mesyuarat kali ini dipengerusikan oleh Encik Maqrun Fadzli Bin Mohd Fahmi, Pengarah Bahagian Radar dan Satelit Meteorologi dan seramai 43 orang pegawai telah menghadiri mesyuarat ini.



PEJABAT METEOROLOGI KELANTAN

Lawatan Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Kelantan

Pada 21 Oktober 2019, seramai 48 orang termasuk murid-murid dan guru pengiring telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Pejabat Meteorologi Kelantan. Lawatan tersebut adalah salah satu dari program pembelajaran luar bilik darjah merangkap program terapi bagi murid kelas Pendidikan Khas.



Lawatan Sekolah Kebangsaan Kemumim

Pada 7 November 2019, Pejabat Meteorologi Kelantan telah menerima lawatan sambil belajar dari pelajar-pelajar SK Kemumim. Seramai 55 orang pelajar dan 5 guru telah hadir pada hari tersebut. Program lawatan ini merupakan salah satu daripada pengisian aktiviti Badan Pengawas SK Kemumim dalam usaha untuk memberi peluang kepada murid untuk menambah pengetahuan terhadap alam kerjaya.



Pameran di Sekolah Kebangsaan Parang Puting

Ceramah dan pameran berkaitan meteorologi telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Parang Puting pada 18 November 2019 dan seramai 450 orang pelajar telah hadir. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar berkaitan bidang meteorologi yang juga berkaitan dengan sains, teknologi dan inovasi dalam meteorologi.



PEJABAT METEOROLOGI SELANGOR

19 OKTOBER 2019

Pameran sempena sambutan Hari Alam Sekitar Peringkat Negeri Selangor di Plaza Alam Sentral, Shah Alam, Selangor.



7 NOVEMBER 2019

Pameran telah diadakan di SK Alam Megah.



17 NOVEMBER 2019

Lawatan dari Air Adventure Flying Club.



24 NOVEMBER 2019

Pameran telah diadakan di SK Desa Baiduri.



PEJABAT METEOROLOGI MELAKA

Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri

Pameran telah diadakan di Dataran Tanjung Bidara, Alor Gajah Melaka pada 19 Oktober 2019 dan seramai 500 orang telah mengunjungi pameran PM Melaka.



Karnival STEM 2019 Peringkat SM Tahfiz Al-Quran (JAIM)

Pameran telah diadakan di Dewan Hamid Abdul SMTAQ, Jasin, Melaka pada 23 Oktober 2019 dan seramai 300 orang termasuk pelajar telah mengunjungi pameran PM Melaka.



PEJABAT METEOROLOGI SABAH

1 hingga 4 OKTOBER 2019


Penyelenggaraan Stesen Auxilary AWS Laban Rata.

PM Sabah telah melakukan kerja-kerja penyelenggaraan Stesen Meteorologi Auksiliari Laban Rata yang terletak di Gunung Kinabalu dan berada pada paras ketinggian 3,272 meter atas paras laut (Above Sea Level). Seramai empat orang pegawai terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan ini yang diketuai oleh En. Mohd Shawal Darsono dan dibantu oleh En. Wilfred Kulaini, En. Mohd Dzaihan Jafar dan En. Mohd Azizul Aji.



7 OKTOBER 2019

Kalibrasi Alat HVAS oleh kakitangan PM Kota Kinabalu (PMKK).



17 OKTOBER 2019

Lawatan sambil belajar dari SJK© Hwa Shiong Putatan.



18 OKTOBER 2019

Sambutan Bulan Sukan Negara di PMKK.



23 OKTOBER 2019

Taklimat pemasangan dan pentauliahan sistem pencerapan suhu bersama pihak kontraktor.



2 DISEMBER 2019

Lawatan dari SMK Tungku Lahad Datu.



PEJABAT METEOROLOGI PERAK

14 SEPTEMBER 2019

Pameran sempena Hari Ko-Kurikulum dan
Pameran Kerja SMK Seri Teja, Gopeng.



2 OKTOBER 2019

Lawatan dari Sekolah Kebangsaan Methodist Air Tawar.



23 hingga 24 NOVEMBER 2019

Pameran sempena sambutan Hari Tindakan Iklim
Peringkat Negeri Perak di Dataran Pavillion Kuala Kangsar.



PROGRAM ESTECC



30 Oktober 2019
SK Changkat Ibol

4 November 2019
SK Gopeng



7 November 2019
SK Seberang Perak



14 November 2019
SK Laneh



15 November 2019
SK Tanah Mera



PEJABAT METEOROLOGI PULAU PINANG

Jalinan Ukhwah

Pada 5 Oktober 2019, jalinan ukhwah telah diadakan bagi warga PM Pulau Pinang dan keluarga di Bowling Arena, Sunshine Square, Pulau Pinang.



Hari Sains SK Pokok Sena

Pada 26 Oktober 2019, PM Bayan Lepas dan PM Butterworth telah menyertai Pameran Sempena Hari Sains dan Inovasi Pelajar 2019 SK Pokok Sena, Kepala Batas, Pulau Pinang. Pameran ini dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang Encik Chow Kon Yew dan seramai 1,000 orang telah menghadiri pameran ini termasuk guru-guru, pelajar sekolah dan penduduk.



PROGRAM ESTECC

11 September 2019
Kolej Vokasional Balik Pulau



11 dan 22 Oktober 2019
SMK Sungai Ara



7 November 2019
SMK Bukit Jambul



PEJABAT METEOROLOGI TERENGGANU

2 NOVEMBER 2019

Hari Alam Sekitar Negara 2019 Peringkat Negeri Terengganu telah diadakan di Kompleks Dewan Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu.



14 OKTOBER 2019

Pertandingan pidato Sekolah Menengah telah diadakan di Perpustakaan Awam Negeri.



17 OKTOBER 2019

Pelajar UITM Machang telah membuat lawatan ilmiah ke Pejabat Meteorologi Terengganu.




20 NOVEMBER 2019

Lawatan pengesanan tapak dan taklimat projek pembinaan Kuarters Pejabat Meteorologi Kertih.



23 OKTOBER 2019

Mesyuarat Monsoon Coordination telah diadakan di *Delta Conference Room, Weststar Main Building, Lapangan Terbang Kerteh*



PROGRAM ESTECC

17 September 2019
SK Tengku Mahmud



18 September 2019
SK Bari Pantai Setiu



23 September 2019
SK Bukit Besi Dungun



23 September 2019
SK Kuala Jengal Dungun



25 September 2019
SJKC Kuala Kemaman



25 September 2019
SMK Binjai Kemaman



26 September 2019
SK Kampung Telaga Hulu Terengganu



29 September 2019
MRSM Kota Putra Besut



2 Oktober 2019
SK Duyong Pulau Duyong



2 Oktober 2019
SK Bukit Petiti Kuala Nerus



3 Oktober 2019
SM Sains Hulu Terengganu



PEJABAT METEOROLOGI NEGERI SEMBILAN

24 OKTOBER 2019

Pameran sempena Karnival Hari Keusahawanan Sekolah
dan Pameran Kerjaya SMK Dato Undang Musa Al-Haj



23 hingga 24 NOVEMBER 2019

Pameran sempena Kembara Digital Malaysia (KDM) Kuala Pilah,
Negeri Sembilan anjuran Kementerian Komunikasi
dan Multimedia Malaysia (KKMM)



3 SEPTEMBER 2019

Lawatan dari Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan.



18 OKTOBER 2019

Lawatan dari SMK Tuanku Muhammad oleh seramai 80 orang pelajar Tingkatan 3 dan tiga orang guru.



11 NOVEMBER 2019

Lawatan dari SMK Undang Jelebu yang disertai seramai 36 orang pelajar Tingkatan 3 dan empat orang guru.



PENGANUGERAHAN PINGAT

Pada 12 Oktober 2019, Pengarah Pejabat Meteorologi Melaka, En. Nasrul Hakim Bin Hashim telah menerima Penganugerahan Bintang Khidmat Terpuji yang berlangsung di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka. Majlis penganugerahan Bintang ini adalah sempena Sambutan Harijadi Ke-81 Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama, Dr. Mohd Khalil Bin Yaakob Yang Di-Pertua Negeri Melaka.



Pada 25 September 2019, semasa Perhimpunan Bulanan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), En Sim Jui Chey, Penolong Pegawai Meteorologi dari Pejabat Meteorologi Kuala Terengganu telah menerima Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC). Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YB Puan Yeo Bee Yin, Menteri MESTECC.



Penganugerahan pingat Sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Kelantan yang ke-50 pada 11 November 2019, Pengarah Pejabat Meteorologi Terengganu, YBrs. Encik Rosli bin Zakaria@Che Kob telah dianugerahkan Pingat Ahli Yang Keempat (Bentara) bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (B.S.K) oleh DYMM Tengku Muhammad V. Tahniah diucapkan kepada YBrs. Encik Rosli bin Zakaria@Che Kob di atas pengurniaan pingat tersebut.

SELAMAT PENGANTIN BARU



Tahniah dan Selamat Pengantin Baru kepada Encik Muhammad Hariz bin Mohd Faeiz, Pegawai Meteorologi di PM Terengganu dan pasangannya Puan Azirah binti Samsudin, Pegawai Meteorologi di Pusat Operasi Cuaca dan Gempa Nasional (POCGN) yang telah selamat diijabkabulkan pada 27 September 2019. Semoga berbahagia hingga ke akhir hayat.



PERSARAAN KAKITANGAN SEPT - DIS 2019



SAW BUN LIONG

Pegawai Meteorologi Gred C54
Bahagian Teknikal Cuaca & Geofizik
Tarikh Persaraan: 07 September 2019
Tempoh Perkhidmatan: 33 Tahun



RAHIMAH BINTI KHALID

Setiausaha Pejabat Gred N32
Pejabat Ketua Pengarah
Tarikh Persaraan: 13 September 2019
Tempoh Perkhidmatan: 41 Tahun



OSMAN BIN KAMARUDIN

Pegawai Meteorologi Gred C32
Bahagian Komunikasi Meteorologi
Tarikh Persaraan: 15 September 2019
Tempoh Perkhidmatan: 40 Tahun



KHAIRIAH BINTI KHALID

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C32
Pusat Iklim Nasional
Tarikh Persaraan: 02 Oktober 2019
Tempoh Perkhidmatan: 36 Tahun



MUSTAFA BIN MOHAMED

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C29
Pejabat Meteorologi Kelantan
Tarikh Persaraan: 02 Oktober 2019
Tempoh Perkhidmatan: 38 Tahun



WONG TECK KIONG

Pegawai Meteorologi Gred C54
Pejabat Meteorologi Sarawak
Tarikh Persaraan: 05 Oktober 2019
Tempoh Perkhidmatan: 34 Tahun



ZABANI BIN MD. ZUKI

Pegawai Meteorologi Gred Utama C
Pusat Instrumentasi Meteorologi & Sains Atmosfera
Tarikh Persaraan: 24 Oktober 2019
Tempoh Perkhidmatan: 34 Tahun



AHMAD ZAKI BIN MOHAMAD SAAD

Pegawai Meteorologi Gred C54
Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan
Tarikh Persaraan: 28 Oktober 2019
Tempoh Perkhidmatan: 37 Tahun



EDWIN ANG

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C29
Pejabat Meteorologi Sarawak
Tarikh Persaraan: 01 November 2019
Tempoh Perkhidmatan: 33 Tahun



MAD NOH BIN ISMAIL

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C29
Pusat Meteorologi Penerbangan Nasional
Tarikh Persaraan: 22 November 2019
Tempoh Perkhidmatan: 38 Tahun



VIMALANATHAN A/L ARAMBOO

Penolong Pegawai Meteorologi Gred C32
Pejabat Meteorologi Selangor
Tarikh bersara: 11 Disember 2019
Tempoh perkhidmatan: 38 Tahun